

Surat Kami : 400-BBI(KK 33/3)  
Tarikh : 12 Julai 2017

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Bahagian  
Universiti Teknologi MARA

YBhg. Dato' / Prof. / Tuan/ Puan

**PELEPASAN CUKAI SUB SEKSYEN 44(6) BAGI WANG DERMA/SUMBANGAN  
KEPADA UiTM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Teknologi MARA telah diberi kelulusan pelepasan cukai di bawah Sub Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 mulai 6 September 1973 bagi derma/sumbangan yang diterima dari pihak luar.

3. Selaras dengan Akta tersebut, wang derma/sumbangan yang layak mendapat pengecualian cukai di bawah Sub Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah seperti berikut :

- 3.1 Amanah untuk kemajuan pendidikan
  - 3.1.1 Derma bagi menjalankan aktiviti pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan
  - 3.1.2 Derma bagi maksud pembinaan, pembesaran atau pembaikan Univerisiti
  - 3.1.3 Pemberian biasiswa untuk kerja-kerja penyelidikan
- 3.2 Amanah untuk kemajuan keagamaan
  - 3.2.1 Penyelenggaraan dan pembaikan rumah ibadat (masjid)
- 3.3 Amanah yang memberi manfaat kepada masyarakat
  - 3.3.1 Aktiviti untuk kemajuan kebudayaan dan kesenian
- 3.4 Amanah untuk meringankan kemiskinan

4. Sebelum kelulusan pelepasan cukai di bawah Sub Seksyen 44(6) diberikan, syarat-syarat seperti berikut hendaklah dipenuhi.

- 4.1 Semua program/aktiviti anjuran Fakulti/Jabatan/Pelajar, hendaklah mendapat kelulusan pihak berkuasa Universiti.
- 4.2 Semua permohonan penajaan aktiviti daripada pihak luar, hendaklah mendapat kelulusan Naib Canselor.
- 4.3 Pelepasan cukai hanya diberikan untuk sumbangan wang tunai sahaja.
- 4.4 Semua derma/sumbangan hendaklah dibayar atas nama Bendahari UiTM supaya resit rasmi UiTM dapat disediakan mengikut nombor siri dan dicap dengan kenyataan khas pengecualian cukai seperti berikut:-

Dikecualikan dari Cukai Pendapatan Sub Seksyen 44(6)  
Akta Cukai Pendapatan 1967  
JHDN. 01/35/42/51/179-6.2520


- 4.5 Semua sumbangan kepada UiTM yang diberikan pelepasan cukai Sub Seksyen 44(6), hendaklah didaftarkan di Pejabat Bendahari supaya laporan berkala dapat dikemukakan kepada pihak LHDN.

5. Surat kelulusan pengecualian cukai pendapatan Sub Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 boleh diperoleh daripada Pejabat Bendahari Kewangan Zon/Kampus.

7. Walau bagaimanapun, Penyelaras Program bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan program/aktiviti dan menyelenggara rekod-rekod berkaitan untuk tujuan auditan oleh pihak LHDN.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DR HAJI MOHD ANUAR MAZUKI  
Bendahari